

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.05.2016**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

a. sama ada International Petroleum Investment Corporation (IPIC) dan Aabar Invesment PJS meminta tiga pemindahan USD3.5 bilion ke Aabar Invesment PJS Limited (Aabar BVI); dan

b. sama ada Perdana Menteri telah meluluskan pemindahan wang dari 1MDB ke Aabar BVI dan sama ada Perdana Menteri akan meminta bantuan antarabangsa untuk membantu mengesan perancang di belakang penipuan oleh Aabar BVI.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi transaksi pemindahan dana sebanyak USD3.5 bilion kepada syarikat Aabar Investments PJS Limited ("Aabar BVI"), pihak pengurusan 1MDB telah mengikut segala terma dan syarat yang ditetapkan berdasarkan perjanjian yang dimeterai bersama dengan pihak pengurusan tertinggi IPIC dan Aabar Investments PJS ("Aabar Abu Dhabi").

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah dan akan terus mengadakan perbincangan dengan semua pemegang bon untuk menjelaskan latar belakang pertikaian serta menjelaskan mengapa 1MDB mengambil pendirian untuk tidak membuat bayaran faedah ke atas Bon Langat dan Bon Energy dan menegaskan bahawa 1MDB mempunyai Pelan Rasionalisasi yang membolehkan 1MDB memenuhi obligasi hutang sedia ada. 1MDB juga komited untuk bekerjasama secara terbuka dengan IPIC untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku bagi meminimumkan kesan ke atas semua pihak berkepentingan dan mengelakkan keperluan mempercepatkan bayaran balik bon atau sukuk dalam cara yang boleh menimbulkan risiko signifikan kepada Pelan Rasionalisasi

